Dalam kes ini, pertikaiannya bukanlah tentang hak terhadap sesuatu **"specific fund".** Ia bukanlah pertikaian tentang siapakah yang berhak kepada sesuatu tabung tertentu sebanyak RM729,000. Ia adalah semata-mata suatu tuntutan hutang yang dikatakan sebanyak RM729,000 di bawah suatu perjanjian perkongsian, yang mana kewujudan atau amaunnya dipertikaikan oleh responden. Maka perenggan (3) itu tidak terpakai bagi kes ini. Memutuskan sebaliknya akan membawa akibat yang salah pada prinsipnya, iaitu seseorang itu, sudahlah dia menghadapi tuntutan wang yang tidak diakui dan yang mungkin tidak mampu atau sukar hendak dijelaskan sekiranya tuntutan itu berjaya, diperintahkan pula menjamin terlebih dahulu bayaran wang yang dituntut itu.

Kerana sebab-sebab yang saya berikan tadi, saya menolak permohonan ini dengan kos.

PENDAKWA RAYA

lwn.

TUAN MAT BIN TUAN ISMAIL

MAHKAMAH TINGGI, KOTA BHARU
DATO' ARIFIN BIN ZAKARIA PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-8-1990]
30 JANUARI 1993

UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PROSEDUR: Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Samada kata-kata tertuduh semasa ditangkap boleh diterima sebagai keterangan - Pembelaan dipanggil - Tertuduh menafikan pengetahuan kandungan beg yang dibawa - Beg didapati mengandungi dadah seperti dituduhkan - Anggapan statutori berkenaan pengetahuan - Samada anggapan disangkal - Seksyen 37(d), (da)(vi) ADB 1952 - Samada keraguan munasabah ditimbulkan.

Tertuduh telah ditangkap didalam satu hendapan oleh polis dipasar besar Pasir Mas, Kelantan membimbit sebuah beg kertas yang mengandungi dadah cannabis seperti di dalam tuduhan, semasa ditangkap tertuduh telah berkata "Alamak! Bukan saya punya Encik". Pihak pendakwa telah memohon pengataan tersebut oleh tertuduh diterima sebagai keterangan. Olek kerana didapati tertuduh sudah berada didalam tahanan polis pada waktu itu dan tiada amaran diberikan kepadanya sebelum dia mengeluarkan kata-kata itu atau seberapa segera selepas itu maka ianya tidak dapat diterima sebagai keterangan. Walau sedemikian terdapat keterangan *prima facie* bahawa beg berkenaan telah dirampas dari tertuduh dan mengandungi dadah seperti di dalam tuduhan dan beg tersebut dibawah jagaan dan kawalan tertuduh. Tertuduh diminta kemukakan pembelaan.

Tertuduh di dalam pembelaannya menyatakan bahawa beliau berasal dari Thailand dan bekerja di Merapoh Kelantan. Beliau menyatakan bahawa beg kertas yang mengandungi dadah berkenaan telah diberi kepadanya oleh seorang kenalan kerjanya dirumah saudara kenalan itu (SB3) di kampung Kok Kabu Kelantan setelah bermalam dirumah SB3, tertuduh dan kenalannya itu dalam perjalanan bersama untuk pulang ke Merapoh. Kenalannya itu telah memberi beg berkenaan kepada tertuduh semasa hendak pulang ke Merapoh dan menyuruh tertuduh pergi dahulu ke stesen keretapi Pasir Mas dan kenalannya

itu akan mengikutnya dari belakang. Tertuduh dan seorang penunggang telah berlepas ke stesen melalui jalan kampung bagi mengelakkan pemeriksaan polis kerana tidak mempunyai dokumen jalanan yang sah dan motosikal yang dinaikinya rosak separuh jalan yang memaksa motosikal tersebut ditolak. Semasa hampir tiba di stesen tersebut beliau telah diberkas oleh polis. Tertuduh menafikan pengetahuan kandungan beg tersebut dan menyatakan kenalannya telah menggunakannya untuk membawa barang yang salah tersebut tanpa pengetahuannya.

Diputuskan:

[1] Selain dari diakui oleh tertuduh pengetahuan tidak boleh dibuktikan melalui keterangan secara langsung. Dari keterangan pembelaan tertuduh keraguan timbul di atas ceritanya samada apa yang diceritakannya itu benar.

[2] Cara kenalan tertuduh memberikan beg berkenaan kepada tertuduh juga menimbulkan keraguan kesahihan cerita tertuduh mengapa beg tersebut tidak boleh diperiksa langsung di dalam keadaan berkenaan dan tidak berkemungkinan tertuduh dengan mudah dipergunakan oleh kenalannya itu. Perhubungan di antara tertuduh dan kenalannya itu di dapati tidak memungkinkan cerita tertuduh.

[3] Setelah menilai keseluruhan keterangan adalah didapati tertuduh telah gagal di atas imbangan kebarangkalian menyangkal anggapan-anggapan statutori di bawah s. 37(d) dan (da)(vi) ADB 1952 atau menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwa. Oleh sedemikian tertuduh di dapati bersalah dan dikenakan hukuman mati.

[Tertuduh didapati bersalah dan dihukum mati].

Kes-kes yang dirujuk:

Illian & Anor. lwn. PP [1988] 1 MLJ 421 ***(diikuti)***

Chan Pean Leon lwn. PP [1956] 2 MLJ 237 di m.s. 239 ***(diikuti)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 37A, (1), 37(d)(da)(vi), 39B(1)(a), 2

Bagi pihak pendakwa raya - Mohd Amin Firdaus b. Abdullah, TPR

Bagi pihak tertuduh - Abd. Wahab b. Che Kob

ALASAN PENGHAKIMAN

Arifin bin Zakaria PK:

Tertuduh telah dituduh di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 12 Mei 1989, jam lebih kurang 9.10 pagi di Pasar Besar, di dalam Daerah Pasir Mas, di dalam Negeri Kelantan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu "cannabis" seberat 839.5 gram dan oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pendakwaan adalah ringkas iaitu, bertindak di atas maklumat, pada pagi 12 Mei 1989, Insp. Mohd Hussin bin Othman (SP3) dan tiga anggotanya telah pergi ke pasar besar Pasir Mas. Mereka telah sampai di situ pada kira-kira jam 7.30 pagi dan terus mengambil tempat masing-masing seperti yang diarahkan oleh SP3.

Setelah mereka menunggu selama lebih kurang 1 jam 30 minit SP3 melihat seorang lelaki berseluar jean biru yang terkoyak di bahagian lututnya, datang ke arah SP3 melalui lorong belakang di mana mereka sedang menunggu. Lelaki itu berjalan ke arah stesyen keretapi dan kelihatan membimbit sebuah beg kertas (P11). Setelah lelaki itu menghampiri tempat SP3 berada, SP3 terus berjalan menuju ke arah lelaki itu dan pada masa yang sama SP3 memberi isyarat kepada anggota-anggotanya. Apabila SP3 berada rapat dengan lelaki itu dia memperkenalkan dirinya sebagai anggota polis dan terus memeluknya, manakala dua orang anggotanya, Konst. T. Daud bin Ismail (SP4) dan Konst. T. Ab. Rahim bin Ab. Rahman (SP5) datang membantu SP3. Lelaki yang ditangkap itu oleh SP3 ialah tertuduh.

Di dalam keterangannya SP3 menyatakan bahawa semasa tertuduh dipeluk olehnya dengan dibantu oleh dua orang anggotanya tertuduh berkata - "Alamak! Bukan saya punya Encik". Setelah mendengar hujah-hujah dari Y.A. Timbalan Pendakwa Raya dan Peguambela dan merujuk kepada peruntukan s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta"), saya memutuskan bahawa kata-kata itu tidak boleh diterima sebagai keterangan. Saya berpendapat demikian kerana daripada fakta yang ada, tertuduh nampaknya telah berada di dalam

tahanan pihak polis semasa dia mengeluarkan kata-kata tersebut dan tidak terdapat sebarang amaran yang diberikan kepadanya, samada sebelum dia mengeluarkan kata-kata itu atau seberapa segera yang boleh selepas itu. Adalah bertentangan dengan peruntukan s. 37A(1) bagi Mahkamah menerima kata-kata itu sebagai keterangan.

Selepas SP3 dan anggotanya menahan tertuduh, SP3 telah mengambil beg kertas P11 daripada tangan tertuduh. SP3 memeriksa isi kandungan P11 dengan mengeluarkan plastik yang berada di dalam P11 dan mengoyaknya sedikit. Terdapat daun-daun kering yang disyaki ganja di dalam beg plastik itu. Pada masa yang sama tertuduh telah digari oleh SP4.

Tertuduh dan barang kes yang dirampas darinya telah dibawa ke Cawangan Anti Dadah (CAD) balai polis, Pasir Mas. Di sana sekali lagi SP3 telah menjalankan pemeriksaan ke atas P11 dan isi kandungannya. Di dalam P11 terdapat sehelai baju T bertulis "Pattaya" dan satu bungkusan plastik yang mengandungi daun-daun kering. Lapisan pertama bungkusan itu ialah pembalut plastik yang di atasnya terdapat gambar udang dengan tulisan Siam (P13). Di dalam P13 terdapat satu bungkusan plastik berwarna biru (P5A) yang berikat dengan tali berwarna merah (P5B). Di dalam P5A itu pula terdapat satu bungkusan plastik berwarna hijau muda (P6). Di dalam P6 terdapat beg plastik cerah (P7). Di dalam P7 itulah terdapat daun-daun kering yang dimampatkan; yang disyaki ganja. SP3 telah menimbang daun-daun kering tersebut dan mendapatinya seberat 850 gram. Selepas itu SP3 memaklumkan tentang tangkapan dan rampasan itu kepada PPP Razali bin Ab. Razak (SP6).

SP6 telah datang ke pejabat CAD pada kira-kira jam 10.00 pagi; SP3 seterusnya menyerahkan barang-barang kes dan tertuduh kepada SP6. Kemudian SP6 telah memeriksa barang-barang kes yang diserahkan itu dengan diperhatikan oleh SP3 serta anggota-anggotanya dan tertuduh. Selepas itu SP6 menimbang daun-daun kering yang disyaki ganja dan mendapati beratnya ialah 850 gram. Selepas mendapatkan maklumat-maklumat tentang diri tertuduh, SP6 telah mengarahkan supaya tertuduh dimasukkan ke dalam lokap balai polis Pasir Mas.

a Pada kira-kira jam 4.00 petang, hari yang sama, SP6 bersama SP3 dan Konst. Sulaiman bin Kamarudin (jurugambar) (SP7) telah pergi ke tempat di mana tangkapan dibuat ke atas tertuduh. SP7 telah mengambil 5 keping gambar tempat tangkapan (P10A - E). Manakala SP6 telah membuat rajah kasar *b* tempat kejadian serta kuncinya (P9 dan P9K masing-masingnya). Pada kira-kira jam 4.40 petang, SP6 telah mengarahkan SP7 mengambil gambar barang-barang kes (P14A - F).

Selepas itu SP6 telah menyimpan balik *c* barang kes didalam kabinet besi di pejabatnya. Pada kira-kira jam 9.30 malam, SP6 telah mengeluarkan barang kes itu dan memasukkannya ke dalam 4 sampul surat yang ditanda E, E1, E1A dan E1B. P5A yang mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja telah dimasukkan ke dalam sampul surat E1A (P4). *d* Keempat-empat sampul itu telah dimeterikan oleh SP6 dengan meteri "Polis Di Raja Malaysia 195". Selepas itu sampul-sampul tadi telah dimasukkan semula ke dalam kabinet besinya.

Pada 24 Mei 1989, SP6 telah mengeluarkan sampul-sampul tadi dan menyerahkannya *e* kepada Konst. Mohd Aker Adam Khajeri bin Hj. Abdul Latiff (SP8), penjaga setor barang-barang kes, di Cawangan Mahkamah, balai polis, Pasir Mas, Setelah keempat-empat sampul itu didaftarkan, SP6 telah mengambil balik sampul bertanda E1A (P4) dari SP8) *f* untuk dihantar ke Jabatan Kimia, Kuala Terengganu. SP6 telah menyimpan P4 di pejabatnya sehinggalah 30 Mei 1989 bilamana P4 telah diserahkan kepada Insp. Mohd Rawi b. Ab. Ghani (SP2) untuk dihantar ke Jabatan Kimia. Pada 16 September 1989, SP6 telah menerima balik P4 serta kandungannya dari *g* SP2 di samping satu sampul surat kecil. Pada 17 September 1989, SP6 telah menyerahkan P4 kepada SP8 untuk disimpan di dalam setor barang-barang kes. P4 telah disimpan di situ sehinggalah 2 November 1992, iaitu hari perbicaraan kes ini dimulakan.

h SP1, ahli kimia, telah mengesahkan bahawa bahan tumbuhan kering yang terdapat di dalam bungkusan plastik yang terkandung di dalam P4 yang dihantar kepadanya oleh SP2 adalah "cannabis" seperti yang ditakrifkan di dalam Akta. Berat bersih bahan tumbuhan kering itu ialah 839.5 gram.

i

Di akhir kes pendakwa saya mendapati bahawa ada keterangan *prima facie* yang menunjukkan bahawa beg (P11) telah dirampas dari tangan tertuduh oleh SP3. Di dalam P11 terdapat bungkusan plastik yang mengandungi bahan tumbuhan kering yang disahkan oleh ahli kimia (SP1) sebagai "cannabis" seperti ditakrifkan di dalam Akta. Berat bersih "cannabis" itu ialah 839.5 gram. Memandangkan P11 berada di dalam jagaan atau kawalan tertuduh pada masa dia ditangkap, maka tertuduh adalah dianggap di bawah s. 37(d), sebagai memiliki dadah "cannabis" yang terkandung di dalam P11 dan mengetahui tentang jenis dadah tersebut. Oleh kerana jumlah "cannabis" terlibat adalah melebihi had statutori yang ditetapkan maka tertuduh juga, di bawah s. 37(da)(vi) Akta, dianggap mengedar dadah tersebut. Dengan hal yang demikian saya memanggil tertuduh untuk membela diri.

Di dalam pembelaannya tertuduh menyatakan bahawa dia berasal dari Wilayah Narathiwat, Thailand. Sebelum dia ditangkap dia bekerja di Merapoh, Pahang, kerja menebas hutan. Dia dibawa untuk bekerja di Merapoh oleh orang kampungnya yang bernama Pak Chik Nasir (SB4). Sebelum tarikh tangkapan tertuduh menyatakan dia telah balik ke kampungnya untuk berhari raya. Pada 11 Mei 1989 tertuduh telah meninggalkan kampungnya menuju ke Sungai Golok untuk balik bekerja di Merapoh. Sesampai di Sungai Golok tertuduh telah menaiki motorsikal ke salah sebuah pengkalan haram di Sungai Golok. Di dalam perjalanan, tertuduh telah berjumpa dengan seorang kawan bernama Halim yang berada di tepi jalan. Kawannya bertanya kepadanya kemana dia hendak pergi, tertuduh memberitahunya yang dia hendak ke Merapoh. Tertuduh menyatakan bahawa dia telah kenal dengan Halim semasa dia bekerja di Merapoh, Pahang. Lalu Halim mengikutinya dengan sebuah motorsikal lain dan kedua-duanya telah menyeberang ke pekan Rantau Panjang melalui pengkalan haram. Dari sana kedua-dua telah pergi ke rumah saudara Halim di kampung Kok Kabu. Tidak lama kemudian Halim telah keluar dari situ meninggalkan tertuduh seorang diri di situ. Apabila dia balik Halim memberitahu tertuduh bahawa mereka tak boleh ke Merapoh pada hari itu dan mereka akan ke sana pada keesokkan harinya. Jadi kedua-dua mereka bermalam di rumah saudara Halim, iaitu Mat Jusoh bin Mat Junoh (SB3). Pada jam lebih kurang 7.00 malam Halim keluar lagi dan balik semula ke rumah pada kira-kira jam 11.00 malam. Tertuduh tidak keluar sama.

Pada keesokkan harinya, 12 Mei 1989, selepas sarapan pagi, tertuduh pun bersiap untuk ke Merapoh. Pada kira-kira pukul 7.00 pagi, sebuah motorsikal telah datang ke rumah tempat mereka tinggal. Tertuduh menyatakan dia turun dari rumah itu dengan membawa sebuah beg pakaian berwarna biru. Apabila enjin motorsikal dihidupkan dia pun menaiki motorsikal itu. Pada masa itu beg pakaiannya disangkut di bahunya. Pada masa itu dia nampak Halim turun dari rumah dengan membawa sebuah beg kertas. Lalu diberinya beg itu kepada tertuduh dan pada masa yang sama Halim mengambil beg pakaian dari tertuduh. Halim menyuruh dia pergi ke stesyen keretapi Pasir Mas dan Halim akan mengikutnya dari belakang. Tertuduh pun berlepas dengan motorsikal itu ke Pasir Mas. Tertuduh kata motorsikal yang dinaikinya mengambil "jalan kampung" bukan jalan "lebuh raya". Apabila mereka memasuki pekan Pasir Mas, motorsikal yang dinaikinya telah mengalami kerosakan. Tertuduh terpaksa berjalan, sementara penunggangnya menolak motorsikal. Apabila sampai di kawasan pasar tertuduh telah berjalan menuju ke stesyen keretapi mengikut arah yang diberikan oleh penunggang motorsikal. Semasa tertuduh berjalan dia nampak seorang lelaki yang memakai baju kuning berada di tepi pasar. Lelaki itu kemudiannya datang ke arah tertuduh dan apabila berada hampir dengan tertuduh lelaki itu memperkenalkan dirinya sebagai polis dan terus merampas beg di tangan tertuduh dan membukanya. Lepas itu tertuduh ditangkap oleh lelaki itu (SP3) dengan dibantu oleh seorang lagi anggotanya. Tertuduh dan barang kes telah dibawa ke balai polis Pasir Mas di mana barang kes telah diperiksa oleh SP3. Semasa di balai tertuduh kata dia telah memberitahu anggota polis bahawa Halim yang menyuruh dia membawa beg itu dan Halim sedang menunggunya di stesyen keretapi Pasir Mas. Mengikut tertuduh pihak polis telah memaklumkan kepadanya bahawa mereka telah mencari Halim di stesyen keretapi tetapi tidak menjumpainya. Di dalam pembelaannya tertuduh mengatakan bahawa dia langsung tidak tahu tentang isi kandungan P11 sehinggalah pihak polis membukanya semasa di balai polis.

Mengikutnya beg (P11) adalah kepunyaan Halim dan dia hanya membawanya bagi pihak Halim. Oleh kerana tertuduh tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah maka Halim menyuruhnya menaiki motorsikal melalui jalan kampung untuk ke bandar Pasir Mas. Dari Pasir Mas mereka akan ke Merapoh dengan menaiki keretapi. Tertuduh menyatakan dia tidak mengesyaki P11 mengandungi barang salah - kalau dia "syak ada benda salah" dia boleh lari. Dia juga tidak pada bila-bila masa cuba membuang P11. Semasa dia ditahan oleh polis dia ada merasa takut sebab dia tak ada paspot, tetapi dia tak pernah cuba melarikan diri.

Ringkasnya pembelaan tertuduh ialah dia tidak tahu tentang isi kandungan sebenar P11 dan Halim telah menggunanya untuk membawa barang salah itu tanpa pengetahuannya. Oleh kerana wujudnya anggapan di bawah s. 37(d) Akta maka tertuduh adalah dianggap mempunyai pemilikan ke atas "cannabis" yang didapati di dalam P11 dan mengetahui tentang jenis dadah tersebut. Dengan itu beban pembuktian berpindah kepada tertuduh untuk membuktikan sebaliknya dan darjah pembuktian itu adalah seperti yang terletak kepada pihak-pihak di dalam kes sivil iaitu di atas imbangan kebarangkalian (sila lihat *Illian & Anor. lwn. PP* [1988] 1 MLJ 421).

Apa yang perlu ditimbangkan oleh Mahkamah ialah samada tertuduh telah berjaya menyangkal anggapan-anggapan statutori yang berkenaan atau membangkitkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa.

Persoalan pokok di dalam kes ini ialah pengetahuan tertuduh mengenai "cannabis" di dalam P11 - yang dinafikan oleh tertuduh. Pengetahuan adalah sesuatu yang tidak boleh dibuktikan melalui keterangan secara langsung kecuali di mana tertuduh sendiri membuat pengakuan tentangnya. Di dalam hubungan ini saya hanya perlu memetik pandangan Y.A. Thomson H di dalam kes *Chan Pean Leon lwn. PP* [1956] 2 MLJ 237 di m.s. 239 iaitu:

> ... knowledge cannot be proved by direct evidence, it can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Again the possible variety of circumstances which will support such an inference is infinite. There may be something in the Accused's behaviour that shows knowledge, or the nature of the thing may be so obvious that it is possible to say 'he must have known what it was' ...

Marilah kita melihat kepada keadaan, yang terdapat di dalam kes ini sebelum tertuduh ditangkap oleh pihak polis. Mengikut tertuduh dia telah bertemu dengan Halim di pekan Sungai Golok, Thailand. Pada masa itu tertuduh sedang dalam perjalanan ke Merapoh, Pahang. Dia bertemu dengan Halim secara kebetulan sahaja tanpa sebarang janji. Halim telah mengajak tertuduh untuk pergi ke Merapoh bersama dengannya dan tertuduh bersetuju. Selepas menyeberang ke Rantau Panjang mereka tidak terus ke Merapoh tetapi singgah dahulu di rumah saudara Halim, Mat Jusoh bin Mat Junoh (SB3). Kenapa mereka perlu singgah di sana adalah menjadi satu tanda tanya. Mereka bermalam di rumah tersebut dan hanya pada keesokan hari barulah mereka meninggalkan rumah itu. Tertuduh kata pada masa dia hendak menaiki motorsikal untuk berlepas dari rumah SB3 Halim menghampirinya dan memberi kepadanya satu beg kertas dan Halim mengambil beg pakaiannya yang, pada masa itu, berada dengannya. Halim kata dia akan mengikuti tertuduh dari belakang. Tertuduh telah pergi ke Pasir Mas melalui jalan kampung bagi mengelak dari pemeriksaan polis kerana dia tidak ada dokumen perjalanan yang sah.

Daripada cerita tertuduh itu timbul pertanyaan-pertanyaan tentang betulkah tertuduh bertemu dengan Halim, jika Halim itu wujud, secara kebetulan sahaja. Tidakkah ada satu persubahatan di antara mereka. Kenapa pula mereka perlu singgah di rumah SB3 dan bermalam di sana. SB3 sendiri mengaku bahawa walaupun Halim adalah anak sepupunya tetapi dia jarang datang ke rumahnya. Adakah betul tertuduh bertujuan hendak pergi bekerja di Merapoh pada hari itu. Mengikut Nasir bin Yaakub (SB4), dengan siapa tertuduh bekerja di Merapoh, semasa tertuduh balik ke kampung pada kali yang kedua itu - sebelum dia ditangkap - dia dah berhenti kerja dengan SB4 kerana tak ada kerja lagi. Mengikut tertuduh, biasanya dia pergi ke Merapoh melalui bandar Tanah Merah dan tidak melalui Pasir Mas. Bahkan dia kata dia tak biasa langsung dengan bandar Pasir Mas. Pada kali ini kenapa dia perlu pergi ke Merapoh bersama Halim sedangkan dia dah pernah pergi ke sana bersendirian; dan kenapa

pula perlu melewat-lewatkan pemergiannya ke Merapoh sedangkan dia perlu pergi ke sana untuk bekerja. Dari persoalan-persoalan di atas timbul tanda tanya tentang kebenaran cerita tertuduh yang dia dan Halim benar-benar bercadang untuk ke Merapoh pada hari dia ditangkap. Jikalah benar mereka hendak ke sana, mereka boleh pergi melalui bandar Tanah Merah sepertimana yang pernah dilakukan oleh tertuduh terdahulu dari itu.

Cara bagaimana Halim memberikan P11 kepada tertuduh juga banyak menimbulkan tanda tanya kepada seseorang yang waras. Kenapa tiba-tiba pada pagi itu Halim menyerahkan beg P11 kepadanya dan kenapa pula perlu Halim membawa beg tertuduh. Kalau pun Halim ingin menolong membawa beg tertuduh kenapa beg yang kecil seperti P11 itu perlu diserahkan kepada tertuduh. Tertuduh pula menerima P11 daripada Halim tanpa menanya tentang kandungan P11. Ketika disoal kenapa dia tak tanya; dia menjawab tak ada masa kerana motorsikal dah nak berlepas. Ini pada pendapat saya adalah satu alasan tidak berasas kerana motorsikal adalah khas untuk tertuduh seorang sahaja. Lagi pun pertanyaan tentang isi beg itu tidak mungkin memakan masa yang lama.

Selain dari itu satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah tentang beg (P11) itu sendiri: apakah ia berkunci, berikat atau sebagainya yang menyebabkan ianya susah untuk dibuka. Jawabnya tidak. Dari itu jika tertuduh mahu, dia sememangnya boleh, dengan mudah, memeriksa isi kandungan beg itu. Ini tidak akan memakan masa yang lama. Oleh itu saya tak nampak sebarang sebab yang munasabah yang menghalang tertuduh untuk memeriksa kandungan P11. Pada pendapat saya, seseorang yang waras, apabila diserahkan sesuatu, di dalam keadaan seperti yang terdapat di dalam kes ini, sudah pasti akan bertanya tentang kandungannya atau akan memeriksanya sebaik sahaja mempunyai peluang untuk berbuat demikian. Tertuduh memilih untuk tidak berbuat demikian. Tertuduh bukannya seorang yang tidak ada pengalaman dalam hidup: dia pernah bekerja di dalam tentera Thailand selama dua tahun. Jadi saya tak fikir tertuduh boleh dengan begitu mudah sekali dipergunakan oleh Halim. Pada pendapat saya, sekiranya Halim wujud, maka saya percaya adanya persubahatan di antara Halim dengan tertuduh di dalam kegiatan jenayah ini.

Perhubungan di antara Halim dan tertuduh juga perlu diambil kira untuk menilai cerita tertuduh. Semasa soal balas tertuduh menyatakan "Perhubungan adalah biasa, tidak rapat sangat. Saya tak pernah berselisih faham dengan Halim." Kalau perhubungan di antara dia dengan Halim "biasa" sahaja kenapa pada kali ini dia nampak begitu akrab sekali dengan Halim. Walaupun dia terserempak dengan Halim secara kebetulan sahaja di Sungai Golok tetapi dia sanggup pergi bersama Halim ke rumah saudara Halim, dan seterusnya bermalam di situ.

Dia juga sanggup menangguhkan pemergiannya ke Merapoh semata-mata kerana hendak pergi ke sana bersama-sama Halim. Kenapa dengan tiba-tiba sahaja tertuduh menjadi begitu mesra dengan Halim? Tertuduh juga sanggup menyerahkan beg yang mengandungi persalinannya kepada Halim. Adakah tindakan-tindakan itu menunjukkan tertuduh adalah seorang yang tidak bersalah atau di sebaliknya.

Tertuduh juga menyatakan bahawa tidak ada perselisihan faham di antara Halim dan dia. Oleh itu tidak ada kemungkinan Halim cuba untuk menganiaya tertuduh dengan memberikan beg P11 kepada tertuduh. Lagi pun sekiranya Halim berniat sedemikian tidak ada sebab kenapa dia perlu menggunakan "cannabis" sebanyak yang terdapat di dalam kes ini, sedangkan sejumlah 200 gram adalah mencukupi untuk melibatkan tertuduh dengan kesalahan yang serius ini.

Satu lagi persoalan yang timbul di dalam pembelaan tertuduh ialah tentang keberatannya membangkitkan cerita Halim kepada pihak polis. Dia hanya menceritakan mengenai Halim semasa di balai polis, Pasir Mas. Jika dia benar-benar tidak bersalah atau tidak tahu tentang "cannabis" di dalam P11 saya percaya dia akan menceritakan mengenai Halim sebaik sahaja dia ditangkap atau semasa di dalam perjalanan ke balai polis.

Setelah mendengar keseluruhan kes pendakwa dan kes pembela saya mendapati, tanpa keraguan yang munasabah bahawa semasa tertuduh ditangkap beg (P11) yang mengandungi "cannabis" itu, berada di dalam jagaan atau kawalannya. Dengan adanya

penjagaan atau kawalan ke atas "cannabis" itu maka di bawah s. 37(d) Akta, tertuduh adalah dianggap memiliki "cannabis" itu. Oleh itu beban pembuktian bagi menegatifkan anggapan tersebut adalah terletak kepada tertuduh - di atas imbangan kebarangkalian.

Setelah menilai dan menimbang keseluruhan keterangan-keterangan pendakwa dan pembela saya memutuskan bahawa tertuduh telah gagal, diatas imbangan kebarangkalian menyangkal anggapan-anggapan statutori di bawah seksyen 37(d) dan (da)(vi) Akta, atau menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa. Akhirnya saya memutuskan bahawa pendakwa telah, tanpa sebarang keraguan yang munasabah berjaya membuktikan bahawa tertuduh adalah bersalah di atas pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya.

Dengan ini tertuduh didapati bersalah di atas pertuduhan yang dikemukakan dan disabitkan. Mahkamah dengan ini mengenakan satu-satunya hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang iaitu hukuman mati.